

HARIAN METRO

Siti A'isyah Sukaimi
sitiaisyah@hmetro.com.my

Cyberjaya

Sebanyak 6,000 baju kalis api Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) diagihkan secara berperingkat di balai bomba seluruh negara.

Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Seri Mohammad Mentek berkata, baju kalis api berkenaan diagihkan dalam tempoh dua bulan bagi menggantikan baju kalis api yang lama.

"Pada masa sama, kita ada membuat perolehan bagi baju kalis api tambahan 9,000 helai dan penghantarannya dibuat tahun ini dan tahun depan.

"Dengan adanya baju kalis api ini, ia memenuhi kemudahan kelengkapan bukan saja daripada segi peralatan dan aset tetapi untuk pakaian bomba," katanya kepada pemberita pada Program Larian Bersama Bomba ke-17 di sini, semalam.

Hadir sama Ketua Pengarah JBPM Datuk Mohammad Hamdan Wahid.



Siasatan SPRM terhadap pembelian baju kalis api digunakan anggota bomba pada tahun lalu menyebabkan tiada perolehan baju baharu dibuat. Ini menyebabkan anggota Wira Merah terbabit terpaksa menggunakan baju kalis api koyak rabak atau berkongsi dengan rakan yang tidak bertugas jika berlaku kebakaran. Laporan Skopad khas Harian Metro.

LAPORAN Harian Metro, 17 Januari lalu.

BAJU KALIS API BOMBA

6,000 diagih satu Malaysia

Dalam pada itu, Mohammad berkata, penyediaan pakaian kalis api itu bagi memastikan setiap pegawai dan anggota bomba diberikan

kesiapsiagaan bagi aktiviti menyelamat yang dijalankan.

Pada 25 Mei lalu, Menteri Perumahan dan Kerajaan

Tempatan Zuraida Kamaruddin mengumumkan 15,000 baju kalis api dijangka diagihkan ke semua balai bomba dan penyelamat di

19-08-2019

setempat

7



MOHAMMAD

seluruh negara menjelang pertengahan Jun lalu.

Beliau dipetik berkata, jumlah itu termasuk 6,000 baju kalis api dirampas Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sebelum ini kerana didakwa tidak mematuhi prosedur ditetapkan dan siji perakuan pakaian keselamatan itu yang didakwa dipalsukan.

Susulan itu, proses ujian ke atas sampel baju kalis api yang dirampas dijalankan di sebuah malmal di Manchester yang diiktiraf United Kingdom Accreditation Service (UKAS) 15 Mei lalu dan hasilnya menunjukkan selamat digunakan, melepasi ujian dan mengikut spesifikasi ditetapkan.

Laporan eksklusif Harian Metro, Januari lalu melaporkan, sembilan Balai Bomba dan Penyelamat di seluruh negara dianggap berdepan masalah kekurangan baju kalis api yang kritikal berikutan tiada pembelian baharu dibuat sejak 2017.

Ini menyebabkan anggota di balai itu dikatakan terpaksa menggunakan baju



kalis api usang yang koyak atau berkongsi baju sama dengan rakan lain yang tidak bertugas jika berlaku kebakaran.

Terdahulu pada Program Larian Bersama Bomba ke-17, 6,000 peserta menyertai acara berkenaan membabitkan kategori jarak 10, tujuh dan tiga kilometer.